

13 AUG 1998

DR MAHATHIR ADAKAN PERTEMUAN DENGAN UMNO LABUAN

LABUAN, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno Labuan yang antara lain bagi menjelaskan keadaan ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

Yang turut hadir pada pertemuan kira-kira 90 minit itu ialah Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor, Pengerusi Umno Wilayah Persekutuan Datuk Drs Suleiman Mohamed yang juga Timbalan Menteri Penerangan serta Ketua Umno bahagian Labuan Abdul Mulok Awang Damit.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kini dalam lawatan dua hari ke pulau ini.

Sebelum pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno Labuan itu, beliau telah menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) di sini.

Esok, beliau dijadual meninjau pembangunan di sekitar Labuan termasuk lapangan terbang barunya berharga RM138 juta yang terletak tidak jauh dari terminal lapangan terbang yang sedia ada.

Dr Mahathir kemudian akan melawat ke Kompleks Bangunan Gunasama Kerajaan di Kiamsam, dekat sini yang akan menempatkan pelbagai agensi dan jabatan persekutuan di pulau ini.

Beliau dijadual berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat esok sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid An-Nur, dekat sini.

Dr Mahathir dan isteri akan bertolak ke Kota Kinabalu pada sebelah petang untuk meneruskan lawatan di ibu negeri itu.

-- BERNAMA

JS FAZ